

# Gadis dicabul 3 lelaki Afrika

U. M. 06/03/09 MS 10

**S**UBANG JAYA: Tiga lelaki Afrika bersikap biadap apabila bukan saja mencabul seorang gadis, malah seorang daripada mereka turut menghayunkan besi kepada rakan lelaki yang cuba menyelamatkannya di Jalan Kenari, Puchong dekat sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 5.30 petang itu, mangsa berusia 17 tahun pada mulanya dikatakan sedang minum bersama rakan sekerja di sebuah restoran berhampiran lokasi kejadian.

Mangsa kemudian menerima panggilan telefon sebelum meminta diri dan beredar untuk menjawab panggilan itu.

Difahamkan, gadis itu kemudian pergi ke lorong belakang restoran untuk berbual dengan kenalannya tanpa disedari tiga lelaki Afrika memerhatikan gelagatnya itu menghampiri mangsa.

Sejurus mendekati mangsa, seorang lelaki Afrika terbabit memeluk gadis itu dari belakang manakala dua rakannya meraba payudara mangsa.

Tindakan mereka itu membuatkan gadis terbabit terkejut dan menjerit meminta pertolongan.

Menurut sumber, jeritan gadis itu menarik perhatian beberapa pengunjung restoran dan seorang rakan lakinya kemudian cuba menyelamatkan mangsa.

"Ketika lelaki itu menghampiri mangsa, tiga suspek terbabit melarikan diri, namun seorang daripada mereka dikatakan tidak berpuas hati dengan bantuan yang cuba diberikan itu.

"Suspek kemudian mengambil sebatang besi sebelum menghayunkan objek itu mengenai kepala mangsa hingga cedera," katanya.